

Kerjasama galak kemajuan

Oleh Othman Mamat

BH 11 MAY 1994

LANGKAWI, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia kini membangun dengan pesat kerana kerajaan sedia bekerjasama dengan pihak swasta dengan mengurangkan halangan birokratik.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini negara tidak berpeluang mencapai kemajuan seperti sekarang kerana swasta ketika itu dirintangi pelbagai halangan birokrasi, termasuk oleh kerajaan pilihan rakyat.

Menurutnya, sebab kedua ialah Kerajaan Pusat yang ada sekarang tidak mengganggu atau menghalang pihak yang berminat memajukan negara ini semata-mata kerana mahu menunjuk kuasa, sebaliknya sentiasa memberi kerjasama kepada pihak swasta.

Beliau berkata, menerusi dasar Persyarikatan Malaysia, kerajaan mengamalkan sikap positif dengan membetulkan kesilapan pihak swasta supaya sesuatu projek dapat dilaksanakan dengan mudah, jika ia berpotensi mendatangkan kebaikan.

“Saya ingin menegaskan, kalau hari ini Malaysia boleh dibangunkan dengan pesat, sebabnya bukan kerana dulu ini (pembangunan) tidak boleh berlaku atau tidak ada minat oleh pihak swasta untuk membangunkan negara.

“Sebaliknya, mereka (swasta) dirintangi bermacam-macam halangan birokratik, termasuk kerajaan pilihan rakyat yang kadang-kadang tidak begitu sanggup hendak meluluskan sesuatu (projek) bukan kerana projek itu tidak boleh diluluskan, tetapi kerana sebab lain.

“Ini yang menyebabkan dulu kita susah hendak membangunkan Malaysia,” katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke ibu negara, hari ini.

Beliau yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melakukakan lawatan kerja sehari di pulau ini, semalam dan sempat menghadiri beberapa majlis, termasuk pelancaran projek

Port Langkasuka di Kuala Muda.

Ketika berucap di majlis itu, Perdana Menteri meminta semua pihak, termasuk Kerajaan Pusat memberi kerjasama positif dalam pelaksanaan sesuatu projek sambil menyifatkan sikap pegawai yang gemar menunjuk kuasa sebagai negatif.

Dr Mahathir berkata, negara mencapai pembangunan amat pesat sehingga rakyat mendapat banyak nikmat dan dunia kagum dengan pembangunan Malaysia apabila kerajaan mengambil sikap untuk bekerjasama dengan swasta.

Sebaliknya, beliau yakin negara sukar dibangunkan jika kerajaan masih berpegang kepada cara lama, iaitu terlalu gemar menunjukkan kuasa apabila berkuasa tetapi pada masa yang sama, tidak begitu mengambil berat mengenai kebaikan negara.

Menjawab soalan kemungkinan pegawai kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap pihak swasta kerana akur dengan arahan pihak tertentu

sehingga tidak berpeluang menggunakan kuasa budi bicara, Perdana Menteri berkata:

“Pihak tertentu jangan mengarahkan macam itu. (Sebaliknya) pihak tertentu atau tidak tertentu, semuanya patut ada satu sikap saja iaitu bagaimana hendak menentukan Malaysia dapat membangun dengan pesat supaya menjadi contoh kepada dunia dan menunjukkan betapa kita tahu mentadbir negara.”

Dr Mahathir berkata, pegawai kerajaan perlu membuktikan bahawa mereka mampu mentadbir negara dengan lebih cekap walaupun dulu pihak luar menganggap rakyat Malaysia tidak berupaya mentadbir negara dan prestasi ekonomi mungkin merosot jika diberi kemerdekaan.

Beliau yakin negara boleh mencapai kemajuan lebih pesat pada masa akan datang jika semua pihak menerima konsep Persyarikatan Malaysia dan berusaha memajukan negara serta tidak terlalu memandang kedudukan dan kuasa mereka.